

**SEJARAH PENGURUSAN KEWANGAN
*BRITISH NORTH BORNEO CHARTERED
COMPANY (BNBCC)* DI BORNEO UTARA,
1881-1941**



AB NASIR ROSLAN
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

**SEJARAH PENGURUSAN KEWANGAN
*BRITISH NORTH BORNEO CHARTERED
COMPANY (BNBCC) DI BORNEO UTARA,
1881-1941***

AB NASIR ROSLAN



**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

_____IJAZAH : _____

_____SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 Ogos 2013

.....
Ab Nasir Roslan
PA20108153



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : AB NASIR ROSLAN
NO. MATRIK : PA20108153
TAJUK : SEJARAH PENGURUSAN KEWANGAN *BRITISH NORTH BORNEO CHARTERED COMPANY BNBCC DI BORNEO UTARA, 1881-1941.*
IJAZAH : SARJANA SASTERA (SEJARAH)
TARIKH VIVA : 21 JUN 2013

DISAHKAN OLEH



1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Bilcher Bala
(Pensyarah Sejarah, Sekolah Sains Sosial, UMS)

Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Bilcher Bala".



2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Rasid Mail
(Pensyarah Perakaunan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, UMS)

PENGHARGAAN

Syukur ke Hadrat Ilahi dengan limpah dan kurnia-Nya, kajian sejarah pengurusan kewangan *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) di Borneo Utara 1881-1941 ini berjaya di siapkan. Selama ini, kajian mengenai BNBCC banyak berkisar mengenai hal pentadbiran, pembangunan dan perkembangan ekonomi dan sosialnya di Borneo Utara. Namun atas nasihat dan tunjuk ajar dari pelbagai pihak dan seterusnya mencetuskan ilham untuk melakukan kajian seperti ini.

Didahulukan lembaran ini dengan hasrat mengungkapkan jutaan terima kasih kepada, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala selaku penyelia utama dan kepada Prof. Madya. Dr. Rasid Mail selaku penyelia kedua, di atas tunjuk ajar, idea, teguran yang diberikan. Kedua-duanya tidak jemu memberikan petunjuk sepanjang kajian ini.

Ucapan setinggi terima kasih kepada Prof. Dr Sabihah Osman, dan encik Md. Saffie Abd Rahim, atas nasihat dan dorongan yang diberikan. Tunjuk ajar yang diberikan banyak membantu membentuk idea untuk memastikan kajian ini tidak terkeluar dari landasan.

Penghargaan buat encik Zaini Othman, encik Wan Shawaluddin, encik Saat, encik Shauki, encik Mosli serta beberapa pensyarah Sekolah Sains Sosial yang lain atas perhatian yang diberikan. Segala idea yang diberikan banyak membantu ketika kajian ini masih dalam peroses penulisan.

Setulus ingatan buat kedua orang tua dan adik beradik atas segala sokongan moral yang diberikan, ia seperti air sungai yang sentiasa mengalir, tenang dan mendamaikan. Tidak lupa juga kepada Eko Prayitno Joko dan Asnawi Borneo. Rakan seperjuangan yang lain Nor Azlina, Amrullah, Zamri, Elfera, Rosmalah, Astri, Sally, Stella, Yani, dan rakan-rakan yang lain. Terima kasih atas komen dan dorongan.

Sekalung budi dan penghargaan kepada kakitangan Jabatan Arkib Negeri Sabah, encik Yusof, yang banyak membantu dari aspek pemerolehan bahan yang diperlukan dalam kajian ini. Encik Kogos, dan staf lain yang tidak dinyatakan di halaman ini.

Semasa kajian ini masih dalam proses penulisan, pengkaji sentiasa berpegang teguh kepada pepatah "Jadikanlah suatu keyakinan bahawa apa yang anda cita-citakan pasti akan tercapai dan apa yang anda usahakan pasti akan berhasil" iaitu menjadi kata-kata pembakar semangat. Diharapkan kajian ini dapat membuka ruang kepada pengkaji dan ahli akademik pada masa hadapan untuk mendalami lagi bidang ini.

ABSTRAK

SEJARAH PENGURUSAN KEWANGAN *BRITISH NORTH BORNEO CHARTERED COMPANY*(BNBCC) DI BORNEO UTARA 1881-1941

Kajian ini membincangkan aspek pengurusan kewangan dari perspektif sejarah ekonomi. Pengurusan kewangan yang dibincangkan adalah berdasarkan perlaksanaan amalan pengurusan kewangan *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) yang mentadbir Borneo Utara dari tahun 1881 sehingga 1941. Pentadbiran BNBCC selama 60 tahun telah membawa banyak perubahan dalam pentadbiran dan pembangunan prasarana khususnya dalam aktiviti pengurusan kewangan. Ini kerana pengurusan kewangan merupakan elemen utama yang berperanan signifikan menunjang kelangsungan operasi kerajaan ataupun organisasi perniagaan. Kajian ini disempurnakan dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan menelaah sumber primer sebagai bahan utama yang terdiri daripada fail pentadbiran dan laporan kewangan BNBCC yang diperolehi di Arkib Negeri Sabah. Selain itu, untuk mengukuhkan perbincangan dalam kajian ini, interpretasi dilakukan dari penulisan mengenai BNBCC dan Borneo Utara yang didapati melalui buku, artikel dan kertas persidangan. Sehubungan itu, kewujudan pengurusan kewangan adalah salah satu faktor kelangsungan pentadbiran BNBCC di Borneo Utara sehingga dikatakan sebagai kompeni British yang lama bertahan berbanding kompeni British yang lain.

Kunci kata: Borneo Utara, BNBCC, Pengurusan kewangan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This study is to discuss financial management from the historical economy perspective. Financial management being discussed was based on British North Borneo Chartered Company (BNBCC) financial management implementation during their reign in North Borneo from 1881 to 1941. 60 years of BNBCC governance had brought improvement and changes in infrastructure specifically in financial management activities. This is because financial management was fundamental element with significant role in governmental operation or business organizations. This study is fulfilled by adapting qualitative methodology on revising primary sources as major material including administrative files and BNBCC financial report from Sabah State Archive. Moreover, interpretations subjected to this study were from written records of BNBCC and North Borneo from books, articles and proceedings. Additionally, the existence of financial management is one of the continuity factors of BNBCC governance in North Borneo and acknowledge as the most long-sustained British company amongst the others.



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SINGKATAN	xi
SENARAJ JADUAL	xii
SENARAI FOTO	xii
SENARAI CARTA	xii
SENARAI RAJAH	xii
RUJUKAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xii
 BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	2
1.4 Skop Kajian	3
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Metodologi Kajian	5
1.7 Sorotan Literatur	5
1.8 Pembahagian Bab	14
1.9 Penutup	16



BAB 2 : PENGURUSAN KEWANGAN KOLONIAL BRITISH

2.1 Pengenalan	17
2.2 Konsep Pengurusan Kewangan	18
2.3 Pentadbiran Kolonial	21
2.4 Pengurusan Kewangan Kolonial	30
2.5 Pengurusan Kewangan British	34
2.5.1 Pengurusan Kewangan Koloni British	36
2.6 Penutup	46

BAB 3 : BRITISH NORTH BORNEO CHARTERED COMPANY (BNBCC) DAN PEMBANGUNAN EKONOMI BORNEO UTARA

3.1 Pengenalan	48
3.2 Penubuhan BNBCC	48
3.3 Pentadbiran BNBCC	50
3.4 Perkembangan Ekonomi Borneo Utara Sebelum BNBCC	57
3.5 Perkembangan Ekonomi Borneo Utara Semasa BNBCC	63
3.6 Dasar Ekonomi BNBCC	65
3.7 Pembangunan Ekonomi Borneo Utara	69
3.8 Sektor Ekonomi Borneo Utara	72
3.8.1 Sektor Pertanian	73
i. Tembakau	73
ii. Getah	74
iii. Kelapa	76
iv. Manila Hemp	76
v. Padi	77
3.8.2 Hasil Hutan	78
i. Sektor Balak	78
ii. Bakau	79
iii. Damar	80
iv. Sagu	80
v. Sarang Burung	80
3.8.3 Sektor Perlombongan	81
3.8.4 Sektor Laut	82
3.9 Pembangunan Infrastruktur Di Borneo Utara	84
3.10 Penutup	87


BAB 4 : PENGURUSAN KEWANGAN BNBCC

4.1 Pengenalan	89
4.2 Pengurusan Kewangan BNBCC	89
4.3 Struktur Pengurusan Kewangan BNBCC	93
4.4 Sumber Kuasa Pengurusan Kewangan BNBCC	97
4.5 Perundangan dan Peraturan Kewangan BNBCC	99
4.6 Objektif dan persekitaran Pengurusan Kewangan BNBCC	101
4.7 Struktur Pentadbiran/Pengurusan Kewangan BNBCC	106
4.8 Pengurusan dan Pentadbiran Modal BNBCC	108
4.8.1 Kepentingan Modal Kepada BNBCC dan Borneo Utara.	108
4.8.2 Perolehan dan Pembelanjawan Modal BNBCC	111
i. Pemerolehan Modal	111
ii. Pembelanjawan Modal	113
a. Jabatan-jabatan BNBCC	114
b. Residensi	119
4.8.3 Pengurusan, Kawalan dan Pelaporan Modal BNBCC	121
4.8.4 Struktur Modal BNBCC	123
4.9 Penutup	125

BAB 5 : ELEMEN PENGURUSAN KEWANGAN BNBCC

5.1 Pengenalan	127
5.2 Sistem Pengurusan Kewangan BNBCC	127
5.3 Belanjawan/Anggaran	132
a. Perancangan Belanjawan	133
5.4 Pengagihan Sumber Kewangan	143
a. Perkembangan Modal BNBCC	144
b. Pengagihan dan Perbelanjaan Kewangan BNBCC	148
i. Modal dan Pembangunan Infrastruktur	156
ii. Perluasan Kawasan	156
ii. Telegraf	158
iv. Landasan Keretapi	159
v. Jalan Raya	160
vi. Pembangunan Industri	160
vii. Pembangunan sosial	161
5.5 Pengakaunan	164
a. Pelaksanaan Perakaunan	164
b. Kawalan Perakaunan	165
5.6 Perekodan Dan Pelaporan	171
5.7 Audit	174
5.8 Penutup	175

BAB 6 : KESIMPULAN	177
BIBLIOGRAFI	182
LAMPIRAN	207
GLOSARI	



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

\$	-	DOLLAR
£	-	POUND STERLING
ASST	-	ASSISTANT
BNBCC	-	BRITISH NORTH BORNEO CHARTERED COMPANY
BNPA	-	BRITISH NORTH BORNEO PRIVISIONAL ASSOCIATION
BPS	-	BATU PUTEH SYNDICATE
EEA & C	-	E.E. ABRAHAM & COMPANY
EIC	-	EAST INDIES COMPANY
ERRA	-	INTERNATIONAL RUBBER REGULATION AGGREMENT
G.S	-	GOVERNMENT SECRETARY
GBC	-	GERMAN BORNEO COMPANY
GWIC	-	GEOCTROYEERDE WESTINDISCHE COMPAGNIE
H.D	-	HARBOUR DEPARTMENT
H.E	-	HIS EXCELLENCY
LBC	-	LONDON BORENO COMPANY
MNBC	-	MANCHESTER BORNEO COMPANY
N.C	-	NATIVE CHIEF
N.C.O	-	NATIVE CHEIF OFFICER
NBD	-	NEW DARVEL BAY COMPANY
NBTC	-	NORTH BORNEO TRADING COMPANY
NBTPC	-	NORTH BORNEO PLANTING AND TRADING COMPANY
NCAC	-	NATIVE CHEIF ADVISORY COUNCIL
NEI	-	NETHERLAND EAST INDIES
NIC	-	NETHERLAND EAST INDIES COMPANY
PWD	-	PUBLIC WORK DEPARTMENT
S\$	-	SINGAPORE DOLLAR
SS	-	STRAIT SETTLEMENT
SSC	-	STRAIT STEAMSHIP COMPANY
TBRC	-	TENOM BORNEO RUBBER COMPANY
U.S	-	UNITED STATE
V.O.C	-	VEREENIGDE OOST-INDISCHE COMPAGNIE
WIC	-	WEST INDIES COMPANY

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Jumlah Hasil Dan Perbelanjaan,1890 sehingga 1897	44
Jadual 2.2 Jumlah Hasil Dan Perbelanjaan Sarawak 1892 sehingga 1897	45
Jadual 3.1: Jumlah Perbelanjaan dan Hasil Pendapatan BNBCC di Borneo Utara sehingga tahun 1895	73
Jadual: 5.1 : Jumlah dan Jenis Perbelanjaan Tahun 1882	135
Jadual: 5.2 : Contoh Pernyataan Anggaran perbelanjaan, 1883.	137
Jadual 5.3: Pernyataan Anggaran Perbelanjaan di Peringkat Daerah, 1883	139

SENARAI FOTO

Foto 3.1: Senarai Pegawai BNBCC	52
Foto 3.2: Pemandangan Aktiviti Penggalian Emas di Sungai Segama.	82

SENARAI CARTA

Carta Alir 5.1: Sistem Pengurusan Kewangan BNBCC	128
--	-----

SENARAI RAJAH

Rajah 4.1: Model Struktur Pengurusan Kewangan BNBCC	93
Rajah 4.2: Struktur Pentadbiran Pengurusan Kewangan BNBCC	107
Rajah 5.1: Perkembangan Modal BNBCC 1881-1941.	145

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	207
LAMPIRAN B	221
LAMPIRAN C	232
LAMPIRAN D	261
LAMPIRAN E	271



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengurusan kewangan merupakan aktiviti pentadbiran dan berperanan penting kepada sesebuah kerajaan dan organisasi perniagaan. Justeru, kajian ini adalah mengenai pengurusan kewangan oleh sebuah organisasi yang mentadbir Borneo Utara¹ suatu ketika dahulu. Organisasi yang dimaksudkan adalah sebuah kompeni British yang dikenali sebagai *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC).² Manakala, Borneo Utara merupakan salah satu kawasan yang mempunyai potensi dari aspek pembangunan ekonomi.³ Ia berdasarkan hubungan ekonomi kepulauan Borneo dan kepulauan serantau dengan China sejak abad ke-10.⁴ Oleh itu, penubuhan BNBCC adalah bertitik tolak dari kepentingan ekonomi terutamanya melalui aktiviti perdagangan. Faktor persaingan dalam kalangan kuasa kolonial Eropah, menyebabkan Kerajaan British mengambil inisiatif dengan menggalakkan penubuhan kompeni perusahaan sebagai wakilnya meneroka dan mentadbir kawasan baru.⁵ Bab ini membincangkan beberapa aspek penting menjelaskan lagi kajian ini seperti, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian dan sorotan kajian serta pembahagian bab kepada keseluruhan kajian ini.

¹ Istilah Borneo Utara akan digunakan sepanjang penulisan, nama yang merujuk Sabah sebelum 1963.

² Singkatan BNBCC akan digunakan sepanjang penulisan ini.


³ Alexander Dalrymple, *An Account of What was Passed Between The India Directore and Alexander Dalrymple: An Introduction To A Plan for Extending The Commerce for Extending This Kingdomand of the Company in East-Indies*, London, 1769, hlm.18. Juga Lihat: Johannes Willi, *The Early Relation of England With Borneo to 1805*, Langensalza: Druck von Hermann Beyer& Sonne, 1922, hlm.63.

⁴ Lee Yong Leng, *Borneo Utara Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm.25

⁵ Graham Irwin, *Borneo Abad Kesembilanbelas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustka, 1986, hlm.10

1.2 Permasalahan Kajian

Penubuhan BNBCC di Borneo Utara sebagai wakil Kerajaan British dan pada masa yang sama turut menjalankan operasi sebagai sebuah organisasi perniagaan bermatlamatkan keuntungan. Oleh itu, BNBCC perlu membangunkan perusahaan di Borneo Utara untuk kelangsungan operasi dan menjaga kepentingan para pelabur. Secara umum, BNBCC memerlukan struktur pentadbiran dan pengurusan yang sesuai dengan peranan dan tanggungjawabnya di Borneo Utara. Ia termasuklah aspek pengurusan kewangan sebagai perkara utama dan penting dalam setiap aktiviti pengurusan dan perancangan pembangunan. Ia ditambah dengan kekayaan hasil bumi yang ada di Borneo Utara. Dari satu aspek, BNBCC ditubuhkan untuk melaksanakan tanggungjawab mentadbir Borneo Utara demi kepentingan British di rantau Asia Tenggara khususnya dalam aspek ekonomi. Oleh sebab itu, BNBCC mempraktikkan kaedah mengurus sumber kewangan melalui pengurusan dalam pentadbiran. Ia dengan harapan agar kesemua sumber kewangan di Borneo Utara dapat diurus tadbir secara terancang dan teratur untuk mencapai objektif penubuhan dan peranannya.



Berdasarkan pernyataan yang diberikan, timbul beberapa persoalan utama yang menjadi asas kajian ini dijalankan. Persoalan tersebut ialah bagaimakah bentuk pengurusan kewangan yang diamalkan oleh British di koloni dan tanah jajahannya. Seterusnya, bagaimakah pembangunan ekonomi di Borneo Utara memberi keuntungan ekonomi kepada BNBCC. Selain itu, bagaimakah aktiviti mengurus kewangan BNBCC berdasarkan bidang pengurusan kewangan, dan bagaimakah aktiviti dan perincian pengurusan kewangan menurut bidang pengurusan kewangan yang diperaktiskan oleh BNBCC di Borneo Utara.


1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang menjadi asas dalam kajian. Objektif utama kajian ini adalah meneliti pengurusan kewangan oleh BNBCC semasa mentadbir Borneo Utara. Dalam konteks ini, pengurusan kewangan dilihat berdasarkan konsepnya menurut bidang pengurusan kewangan untuk memudahkan memahami pengurusan kewangan kolonial British dan

pelaksanaannya di tanah jajahan. Ini kerana, mengurus kewangan merupakan aktiviti utama dalam pentadbiran.

Objektif kedua iaitu, menjelaki penubuhan BNBCC sebagai wakil British dan melihat ciri serta bentuk struktur pentadbirannya. Seterusnya, menelusuri perkembangan dan pembangunan ekonomi di Borneo Utara yang dianggap sebagai kawasan berpotensi dan mampu memberikan keuntungan kepada BNBCC dan Kerajaan British.

Manakala objektif ketiga iaitu, menjelaskan aktiviti mengurus kewangan berdasarkan pandangan bidang pengurusan kewangan dengan melihatnya ke atas aktiviti pengurusan kewangan BNBCC. Perspektif bidang pengurusan kewangan penting sebagai asas utama dalam aktiviti mengurus kewangan oleh BNBCC. Ini adalah salah satu usaha untuk mengenal pasti sama ada wujud pengurusan yang terancang dan tersusun.



Seterusnya objektif yang keempat, memperincikan aktiviti pengurusan kewangan BNBCC melalui beberapa elemen pengurusan dalam bidang pengurusan kewangan. Elemen ini digunakan dalam pengkategorian aktiviti pengurusan kewangan BNBCC. Secara tidak langsung ia menunjukkan bentuk pengurusan dalam mengurus kewangan oleh BNBCC.


1.4 Skop Kajian

Kajian ini adalah dalam bidang sejarah ekonomi iaitu mengenai aspek pengurusan kewangan sebagai fokus utama. Pendekatan bidang pengurusan kewangan juga diguna pakai sebagai ilmu bantu dalam kajian ini. Bagi skop masa kajian dalam kajian ini iaitu sepanjang pentadbiran BNBCC di Borneo Utara yang bermula pada tahun 1881 sehingga tahun 1941 apabila Jepun mengambil alih pentadbiran di Borneo Utara. Kajian ini secara keseluruhannya menjelaskan perkembangan pengurusan kewangan BNBCC bagi tempoh masa 60 tahun pentadbirannya di Borneo Utara. Seterusnya dalam skop tempat pula, kajian ini merangkumi keseluruhan kawasan di Borneo Utara.

1.5 Kepentingan Kajian

Pengurusan kewangan merupakan salah satu usaha yang diambil oleh BNBCC untuk memudahkan pentadbirannya di Borneo Utara. Melalui pengurusan kewangan, BNBCC cuba mencapai matlamat utamanya iaitu mendapatkan keuntungan yang maksima.

Kajian ini penting untuk mengetengahkan satu lagi sudut pandangan sejarah dalam bidang ekonomi iaitu dari sudut pengurusan kewangan. Pandangan dari sudut ini diharap akan membantu dalam merungkaikan lagi banyak persoalan sejarah terutamanya dari aspek kewangan. Perkara ini kerana, sejak bermulanya penubuhan sesebuah kerajaan dan organisasi perniagaan, aspek kewangan adalah salah satu daripada elemen yang mendasari sebarang aktiviti sama ada dalam pentadbiran dan perusahaan. Perkembangan aktiviti tersebut mula rancak sekitar abad ke-15 sehingga ke-19 yang memperlihatkan perdagangan melewati sempadan negara.



Kajian ini juga penting terutamanya mendedahkan lagi identiti BNBCC dalam konteks sejarah ekonomi iaitu melalui perspektif pengurusan kewangan. Identiti BNBCC sebelum ini banyak dibuat oleh para pengkaji dari pelbagai aspek sama ada dari sudut perkembangan politik, ekonomi dan sosialnya. Walau bagaimanapun, usaha melihat secara khusus dari perspektif pengurusan kewangan adalah tidak jelas.

Selain itu, kajian ini turut menyumbang terhadap perkembangan penyelidikan dalam bidang sejarah dan sejarah ekonomi Borneo Utara khususnya. Dengan terhasilnya kajian ini, diharapkan mampu mencetuskan keinginan pengkaji lain untuk melakukan penerokaan yang lebih lanjut berkaitan dengan bidang yang dikaji.

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian bidang sejarah. Dalam disiplin sejarah, kaedah penyelidikan lebih tertumpu kepada kaedah kualitatif iaitu dengan menelaah sumber primer dan sumber kedua. Sumber primer ialah sumber utama dalam kajian bidang sejarah yang merangkumi fail jabatan, minit mesyuarat dan surat peribadi yang dapat diakses di Arkib Negeri Sabah dan Arkib Negara cawangan Sabah.

Manakala sumber yang kedua terdiri daripada bahan yang diolah oleh pengkaji terdahulu dan biasanya olahan tersebut dihasilkan melalui penulisan buku dan artikel. Sumber ini akan diperoleh di Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Tun Fuad, Perpustakaan Muzium Sabah dan beberapa buah perpustakaan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Melalui kedua-dua sumber tersebut, analisis dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian. Maklumat tersebut adalah berkaitan dengan aspek pengurusan aktiviti kewangan BNBCC di Borneo Utara. Pengasingan dan pengkategorian maklumat dengan menggunakan pendekatan bidang pengurusan kewangan iaitu melalui aspek dan elemen penting mengurus kewangan. Seterusnya, pengolahan berdasarkan pendekatan bidang kewangan di samping mengekalkan identiti sejarah untuk mengelakkan kajian terkeluar dari landasan utama iaitu bidang sejarah yang menjadi latar belakang kajian ini.

1.7 Sorotan Literatur

Kajian berkenaan dengan Borneo Utara dan BNBCC banyak dilakukan sebelum ini oleh para sarjana luar dan tempatan. Kajian tersebut secara keseluruhannya adalah meliputi aspek pentadbiran, ekonomi dan juga sosial. Namun demikian, kajian yang menjurus terhadap pengurusan kewangan oleh BNBCC di Borneo Utara tidak pernah diberikan perhatian secara khusus.

Antara kajian tersebut, ialah, oleh F.G. Whelan (1970), yang menerangkan sejarah Sabah sebelum kedatangan orang Barat sehingga berakhirnya pemerintahan kolonial British di Borneo Utara apabila menyertai Malaysia pada tahun 1963. Kajian ini juga menyentuh mengenai sejarah penubuhan BNBCC dan

pembangunan dalam aspek ekonomi di Borneo Utara dalam tempoh tersebut.⁶ Menurut penulisan ini, sebelum kedatangan Barat, Borneo Utara merupakan wilayah di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei yang mempunyai kawasan jajahan sehingga ke Selatan Mindanao di Filipina. Whelan kemudian mendakwa bahagian pantai timur Borneo Utara diserahkan oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu sebagai balasan kerana berjaya menghentikan pemberontakan di Pulau Chermin. Bermula dari saat itu, Borneo Utara berada di bawah dua pengaruh kesultanan iaitu Kesultanan Brunei yang berkuasa di bahagian pantai barat dan Kesultanan Sulu di bahagian pantai timur. Kenyataan ini juga disentuh dalam penulisan oleh Graham Irwin (1986).⁷ Seterusnya, dalam penulisan yang disunting oleh Anwar Sullivan, Cecilia Leong (1981)⁸ yang menerangkan pengurniaan Piagam DiRaja oleh Kerajaan British di London Pada tahun 1881, telah membawa kepada penubuhan BNBCC di Borneo Utara yang bertujuan untuk mengaut keuntungan dari hasil buminya, selain melaksanakan pentadbiran. Semasa era pentadbiran BNBCC, banyak pembangunan dijalankan dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, pentadbiran dan sosialnya. Perkara ini juga dijelaskan dalam kajian oleh K.G Tregonning (2007).⁹ Dalam kajian oleh D.S.Ranjit Singh (1991)¹⁰ menerangkan bahawa usaha pembangunan oleh BNBCC telah menjadikan Borneo Utara sebagai pengeluar beberapa komoditi utama seperti tembakau, getah, dan kayu balak untuk dieksport ke Eropah. Selain itu, pembangunan pejabat kerajaan, hospital, bandar, jalan raya, jalan keretapi dilakukan untuk memastikan terdapatnya kemudahan di Borneo Utara. Manakala pentadbiran di Borneo Utara diambil oleh Jepun pada tahun 1942 sehingga tahun 1945 apabila Jepun tewas dalam Perang Dunia Kedua kepada kuasa berikut. Selain itu, dalam penulisan suntingan oleh Cecilia Leong (1982),¹¹ menjelaskan bahawa

⁶ F.G.Whelan, *A History of Borneo Utara*, Kuala Lumpur: MacMillan and Co(s) Private Ltd, 1970.

⁷ Graham Irwin, *Borneo Abad Kesembilanbelas*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1961.

⁸ Anwar Sullivan & Cecilia Leong, *Commemorative History of Borneo Utara*, Kuala Lumpur: Sabah State Government Sanitary Publication Committee, 1981.

⁹ K.G. Treginning, *Under Chartered Company Rule 1881-1846*, Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press, 2000.

¹⁰ D.S.Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983 the problem of politic survival*, Singapore: Oxford University press, 1991.

¹¹ Cecilia Leong, *Borneo Utara:The First 100 Years*, Kuala Lumpur: Nan Yang Muda Sdn.Bhd, 1982.

kerosakan yang sangat teruk dialami menyebabkan Borneo Utara tidak mampu dibangunkan dan memerlukan kos yang tinggi untuk membaiki semua kerosakan. Sementara meredakan keadaan, Borneo Utara ditadbir sementara oleh pentadbiran tentera sebelum dijadikan *Crown Colony*. Borneo Utara kemudiannya mencapai kemerdekaan dengan menyertai penubuhan Malaysia pada tahun 1963 dan dikenali sebagai Sabah. Bagi Keseluruhan kajian yang dinyatakan, tidak terdapat satu kajian yang menjelaskan mengenai pengurusan kewangan BNBCC. Namun kajian ini penting untuk memperlihatkan usaha pembangunan ekonomi BNBCC di Borneo Utara.

Selain itu, terdapat juga penulisan yang lebih menjurus kepada aspek pembangunan ekonomi. Antaranya adalah penulisan yang dihasilkan oleh Rudolph Robert (1969). Menurutnya, kekayaan hasil bumi yang terdapat di Borneo Utara memberikan keyakinan untuk Alfred Dent memohon Piagam DiRaja dari Kerajaan British di London agar memberikan perhatian terhadap Borneo Utara.¹² Pengurniaan Piagam DiRaja telah menjadikan Borneo Utara sebagai naungan Kerajaan British. Oleh yang demikian, semua hal pentadbiran diletakkan di bawah kuasa Kerajaan British di London. Dalam usaha membangunkan sektor ekonomi pula, BNBCC menggiatkan beberapa sektor ekonomi seperti penanaman tembakau, getah, koko dan beberapa sektor lain seperti galian emas dan arang batu. Hal ini turut dijelaskan oleh Md. Saffie Abd Rahim (2007).¹³ Walau bagaimanapun, BNBCC tidak mempunyai modal yang banyak untuk membangunkan kesemua sektor ekonomi di Borneo Utara. Oleh itu, usaha menarik pemodal asing merupakan salah satu rancangan pembangunan sektor ekonomi di Borneo. Ia sesuai dengan sistem ekonomi kapitalis dan perdagangan bebas yang diamalkan oleh Kerajaan British. Bermula dari saat itu, para pemodal asing bukan sahaja pemodal dari Barat malah pemodal dari China dan Jepun turut melakukan pelaburan dalam pelbagai sektor ekonomi di Borneo Utara.¹⁴ Menurut kajian ini, migrasi orang Jepun ke Borneo Utara berlaku dalam tahun 1880-an lagi, iaitu terdiri dari golongan bawahan seperti

¹² Rudolph Robert, *The British North Borneo Company Their Role in the development of overseas trade*, London: G. Bell and Sons Ltd, 1969.

¹³ Md.Saffie Abdul Rahim, *op cit.*

¹⁴ *Ibid.*

petani, tukang cuci dan pelacur. Manakala golongan atasan terdiri daripada golongan pemodal yang datang ke Borneo Utara pada awal abad ke-20 dan mereka biasanya terdiri daripada pengusaha hotel, kedai runcit serta pemilik konsesi. Sekitar tahun 1911-1920, Kerajaan Jepun mengarahkan orang perseorangan dan agensi migrasi menjalankan penyiasatan untuk tujuan menempatkan orang Jepun di Borneo Utara. Hasil dari penyiasatan ini, beberapa skim migrasi diperkenalkan seperti, Skim Migrasi Toyo dan Skim Migrasi Nissan. Terdapat juga projek yang dikenali dengan Projek Migrasi Orita yang kemudiannya menggalakkan penanaman *manila hemp* di *Kuahara Tawau Rubber Estate*. Selain projek Orita, penubuhan *South Sea Association* (SSA) berperanan dalam aktiviti migrasi orang Jepun. Contohnya, SSA bertanggungjawab ke atas migrasi orang Jepun gempa bumi Kanto berlaku pada tahun 1923. Secara keseluruhan, orang Jepun telah pun terlibat dalam pembangunan dan perkembangan ekonomi di Borneo Utara sehinggalah Perang Dunia Kedua. Bagi pemodal China pula, seperti yang dijelaskan dalam penulisan Danny Wong Tze-Ken (1993),¹⁵ menerangkan bahawa pemodal China berjaya membangunkan sektor ekonomi dengan mengusahakan beberapa hasil eksport utama seperti tembakau, getah, kayu balak dan sebagainya. Walau bagaimanapun, karya ini tidak menerangkan berkenaan dengan pengurusan kewangan BNBCC di Borneo Utara. Namun begitu, karya ini diperlukan untuk menjelaskan perkembangan dan aktiviti ekonomi di Borneo Utara. Dari aspek lain, seperti dalam aktiviti perdagangan, yang mana Borneo Utara turut terkenal sebagai salah satu tempat persinggahan pedagang. Ini disebabkan oleh kedudukannya yang strategik dan mempunyai pelabuhan yang memiliki kemudahan lengkap. Perkara ini disentuh dalam penulisan oleh Hanizah Hj.Idris (2006).¹⁶ Menurut kajian tersebut, perdagangan di Borneo sebelum penjajahan British dikuasai oleh ketua tempatan. Namun, semasa perkembangan aktiviti perdagangan semakin giat, terutamanya pada abad ke-19, memperlihatkan peranan orang Eropah terutamanya British dalam memonopoli perdagangan di Borneo sehinggalah membawa kepada penjajahan Borneo oleh British.

¹⁵ Danny Wong Tze-Ken, *The transformation of an Immigrant Society a study of the Chinene of Sabah*, England, United Kingdom: ASEAN academic press Ltd, 1993.

¹⁶ Hanizah Hj.Idris, *Perdagangan Pelabuhan di Borneo*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2006.

Penulisan lain yang menyentuh tentang aspek pembangunan sosioekonomi di Borneo Utara adalah seperti penulisan oleh Lee Yong Leng (1982) dengan menjelaskan kedatangan penjajah Barat banyak membawa perubahan dalam aspek perkembangan petempatan di Borneo Utara.¹⁷ Menurut penulisan itu juga, Borneo Utara dari sudut sejarahnya telah pun mempunyai hubungan dengan pedagang China sejak awal lagi iaitu dari Tahun Masihi 600 hingga ke 1500 berdasarkan kepada rekod dalam sejarah dinasti China mengenai perutusan ke Borneo. Sehinggalah akhir abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh orang China mula menetap dan mengubah pola petempatan di Borneo Utara. Pengaruh orang China terutamanya di Borneo telah pun wujud sejak abad-15 melalui hubungan perdagangan dengan Brunei. Bermulanya pentadbiran BNBCC di Borneo Utara adalah seiringan dengan usaha pembangunan ekonomi dengan mengusahakan tembakau, getah, padi dan kopra. Usaha BNBCC kelihatan serius dalam usahanya apabila terdapat usaha membawa masuk para pelabur dan buruh luar. Kemasukan pemodal dan buruh luar sama ada dari China dan Indonesia yang terlibat dalam sektor ekonomi secara tidak langsung memberi kesan ke atas pembangunan ekonomi Borneo Utara. Banyak kawasan baru dibuka dan diusahakan dengan pertanian. Aktiviti pembangunan turut diberikan perhatian seperti pembukaan estet, perkampungan dan Bandar baru. Keadaan bentuk muka bumi dan geografi Borneo Utara yang mempunyai kawasan hutan luas telah mendorong usaha pertanian semasa pemerintahan BNBCC.

Seterusnya penulisan oleh Danny Wong Tze-Ken, (1993) menerangkan mengenai latar belakang kedatangan imigran Cina ke Borneo Utara semasa pemerintahan BNBCC. Walau bagaimanapun, kehadiran orang Cina di Borneo khususnya sebelum kedatangan penjajah Barat dikesan melalui hubungan orang Cina di rantau ini telah pun wujud sejak zaman pemerintahan Dinasti Ming.¹⁸ Berdasarkan kajian tersebut, ia bermula ketika orang China aktif menjalankan aktiviti perniagaan dan perlombongan di Labuan sehingga kedatangan orang Barat dan mereka terdiri daripada Hokkien dan Teochew. Kemudian, kesan dari

¹⁷ Lee Yong Leng, *Borneo Utara: Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.

¹⁸ Danny Wong Tze-Ken, *op cit.*,

kemerosotan kesultanan Brunei menyebabkan pedagang China beralih ke Labuan dan bilangan mereka semakin meningkat pada setiap tahun. Selain itu juga, kedatangan orang Cina ke Borneo Utara adalah ekoran dari galakan BNBCC membenarkan masuk beberapa kompeni yang dimiliki oleh orang Cina seperti *China Borneo Utara Land Farming Company*, *Yuen Yew Borneo Utara Cultivation Trading Company*, *Sun Kwong Lun & Co.* serta beberapa yang lain bergiat dalam sektor pertanian seperti penanaman tembakau dan getah, industri balak, lombong emas dan perikanan. Orang China Borneo Utara terdiri daripada para pelabur dan buruh yang terlibat dalam aktiviti pembangunan ekonomi di Borneo Utara. Kedatangan buruh ini dikesan melalui Skim Medhurst's. Melalui skim ini, bilangan orang Cina yang datang ke Borneo Utara semakin bertambah. Selain itu, penglibatan orang Cina di Borneo Utara juga dijelaskan dalam kajian oleh Zhang Delai (2002).¹⁹ Contohnya, penglibatan orang Hakka mengusahakan tanaman Tembakau, Getah, Koko, Kelapa, dan beberapa tanaman lain. Di China, orang Hakka telah pun mempunyai pengalaman dalam pengurusan perniagaan dan kewangan. Oleh itu, tidak hairan jika mereka terlibat aktif dalam bidang perniagaan di Borneo Utara dan mengusahakannya. Pada awalnya bilangan orang Hakka terlibat dalam perniagaan di Borneo Utara adalah kecil. Kapitan/peniaga Cina yang pertama direkodkan pada tahun 1890 di Sandakan adalah Feng Mingshan yang mengusahakan ladang tembakau dan memungut duti dari aktiviti import dan eksport arak. Selain itu, terdapat lagi beberapa peniaga lain seperti Koh Heen, Ou Shizu, Li Xianggung, Ou Li serta yang lain aktif dalam aktiviti perniagaan di Borneo Utara. Penglibatan mereka dalam sektor industri dan perniagaan di Borneo Utara adalah sehingga tahun 1963. Orang Hakka juga terus giat dengan mengambil manfaat dari perlaksanaan DEB yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia. Peranan orang Cina dalam sektor industri dan perniagaan di Borneo Utara adalah seperti sebagai, *Contractors*, *Transport operators*, *Businessmen*, *Timber Towkeys*, *Property Developers*, *Industrialists*, dan *Corporate Leaders*. Kajian tersebut secara menyeluruhnya, adalah mengenai aspek tujuan migrasi masyarakat Hakka dan penglibatan mereka dalam perkembangan ekonomi di Borneo Utara. Manakala perkembangan sosioekonomi yang melibatkan penduduk peribumi Borneo Utara

¹⁹ Zhang Delai, *The Hakkas of Borneo Utara a Survey of their Impact on the Modernization of the Borneo Malaysian State*, Kota Kinabalu: Borneo Utara Technological Seminary, 2002.